

Newspaper: Berita Harian

Published: Wednesday September 14, 2011

Title: Kad Touch n'Go percuma

BERITA HARIAN

14/9/2011

Kad Touch n'Go percuma

Pengguna LATAR boleh tebus di kaunter di Kuang

Oleh Halina Mohd Noor
halinag@bharian.com.my

PUNCAK ALAM: KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (LATAR) dengan kerjasama Touch n'Go melancarkan kad Touch n'Go edisi terhad sempena memperingati hari pelancarannya pada 23 Jun lalu yang memaparkan empat gambar berbeza mengenai keunikan yang terdapat di lebuhraya berkenaan.

Sebanyak 1,000 kad ditawarkan secara percuma semalam berdasarkan 'siapa cepat dia dapat' dengan syarat pengguna perlu membayar tol secara tunai dan mengumpul 30 hingga 60 resit tol sebagai bukti menggunakan lebuhraya LATAR untuk menebus salah satu atau semua kad berkenaan.

Pengguna yang mengumpul 30 resit tol layak menebus kad peringatan Touch n'Go berkenaan yang bernilai RM 10 dan ditambah nilai RM 5 manakala mereka yang mengumpul 60 resit tol pula layak menerima kad dengan tambah nilai sebanyak RM 30.

Pengguna boleh membuat tebusan di kaunter perkhidma-



DARI kiri; Amran, Pengarah Eksekutif Touch n'Go, Hasni Zarina Mohamed Khan, Abdul Karim, Pengerusi LATAR, Datuk Mohamad Razali Othman dan Pengarah Eksekutif LATAR, Hock Seng menunjukkan kad Touch n'Go LATAR Expressway edisi terhad sempena Pembukaan Lebuhraya LATAR dan majlis menandatangani perjanjian antara LATAR dan Touch n'Go, semalam.

tan pelanggan di Kuang Timur dan Kuang Barat di lebuhraya LATAR.

Ketua Pegawai Eksekutif LATAR, Amran Amir berkata, kad berkenaan dikeluarkan sebagai cenderamata penghargaan kepada pelanggan setia LATAR selain menggalakkan pengguna manual beralih kepada penggunaan sistem pembayaran elektronik untuk perjalanan lebih lancar, mudah dan lebih berkesan.

"Matlamat kami untuk memindahkan pengguna manual kepada penggunaan sistem pembayaran elektronik yang lebih selamat. Ia juga sebahagian daripada usaha memastikan perjalanan mereka lebih lancar dan selesai dengan menasaskan peningkatan penggunaan sistem pembayaran elektronik sebanyak 60 peratus," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis pelancaran dan Kad Peringatan

LATAR-Touch n'Go sempena pembukaan lebuhraya LATAR dan majlis menandatangani perjanjian (MOU) antara LATAR dan Touch n'Go, semalam. Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Touch n'Go Sdn Bhd Abdul Karim Md Lassim dan Pengarah Eksekutif KL-Kuala Selangor Expressway Berhad Tan Sri Tee Hock Seng.

Amran berkata, dua juta pengguna menggunakan LATAR sejak ia dibuka.